



**KOLEJ SULTAN ALAEDDIN SULEIMAN SHAH**  
*SULTAN ALAEDDIN SULEIMAN SHAH COLLEGE*

Rujukan Kami : UPM.700-KOSASS-700-4/1/2  
Tarikh : 15 Februari 2021

Pelajar-pelajar  
Kolej Sultan Alaeddin Suleiman Shah  
Universiti Putra Malaysia

Saudara/saudari,

**CUTI ANTARA SEMESTER SESI 2020/2021**

Adalah dimaklumkan bahawa Cuti Antara Semester Sesi 2020/2021 akan bermula dari **1 Mac 2021 (Isnin) hingga 21 Mac 2021 (Ahad)**. Sehubungan itu semua pelajar Kolej Sultan Alaeddin Suleiman Shah (KOSASS) dikehendaki mengambil perhatian dan tindakan seperti berikut:

**1. MENGOSONGKAN BILIK**

Bilik hendaklah dikosongkan dalam keadaan bersih. Pelajar-pelajar hendaklah memastikan almari dikosongkan, poster telah ditanggalkan, perabot hendaklah disusun seperti susunan asal dan segala suis elektrik, lampu dan kipas ditutup. Denda maksima sebanyak **RM50.00** akan dikenakan sekiranya peraturan tersebut tidak dipatuhi. Sebarang kerosakan inventori di bilik hendaklah dilaporkan dengan segera ke Pejabat Am Kolej.

**2. PEMULANGAN KUNCI BILIK**

Pelajar yang ingin pulang lebih awal, pemulangan kunci boleh dilakukan pada waktu pejabat di Pejabat Am Kolej. Pemulangan kunci kepada Felo selepas waktu pejabat adalah tidak dibenarkan. Pemulangan kunci melalui kawan juga adalah tidak dibenarkan. Pelajar diminta menandatangani Borang Terima dan Serah Kunci semasa pemulangan kunci. Pemulangan kunci adalah pada:

Tarikh : **1 hingga 5 Mac 2021 (Isnin hingga Jumaat)**  
Masa : **8.30 pagi – 4.30 petang**  
Tempat : **Pejabat Am, KOSASS**

**3. PENGINAPAN SEMASA CUTI**

Bagi pelajar yang tidak pulang bercuti, anda dikehendaki mengisi **Borang Permohonan Sewaan Penginapan** dengan bayaran sebanyak **RM4.00 sehari/seorang** dan hendaklah dibayar sebelum menginap.

**4. PERALATAN KOLEJ**

Semua peralatan kolej yang dipinjam terutamanya alatan sukan, kebudayaan dan alatan lain hendaklah dipulangkan **sebelum atau pada 1 Mac 2021 (Isnin)**.

**5. PENYIMPANAN BARANG**

Semua barangan hendaklah dibawa pulang. Walau bagaimanapun untuk kemudahan pelajar pihak kolej akan menjadikan bilik rehat di setiap blok sebagai tempat penyimpanan barang. Pastikan barang-barang yang disimpan dimasukkan ke dalam kotak, diikat kemas dan dilabelkan. Pihak pengurusan kolej tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kehilangan barang milik pelajar sepanjang cuti semester ini.